

ANALISIS SINTAKSIS

No.	Soalan	2022	2023
1.	Ayat Biasa-Ayat Songsang	7	-
2.	Ayat Aktif-Ayat Pasif	4	8
3.	Jenis-Jenis Ayat	1	7
4.	Subjek-Predikat	4	4
5.	Jenis Frasa	1	2
5.	Ayat Tunggal-Ayat Majmuk	5	4
6.	Ayat Cakap Ajuk-Ayat Cakap Pindah	2	2
7.	Jawapan		

Manual Penggunaan:

- Sila tekan ctrl+ click pada soalan percubaan negeri.

*Jazakallah khairan kasiran kepada Asatizah Maahad At-Tariq atas pengumpulan sintaksis percubaan 2022- 2023 bagi memudahkan pembelajaran pelajar khususnya pelajar SPM.

AYAT BIASA- AYAT SONGSANG

LATIHAN 1 (KL 2022)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat **bersusunan biasa** yang bergaris kepada ayat **bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

Bahasa merupakan elemen terpenting dalam kehidupan seharian manusia. Bahasa berperanan sebagai medium komunikasi yang penting untuk menerima dan menyampaikan maklumat. Melalui bahasa juga, seseorang individu mampu untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran dan pengetahuan. Peranan bahasa Melayu membolehkan pelajar menguasai pelbagai bidang ilmu. Kebolehan menguasai bahasa Melayu dapat membantu pelajar bersaing pada peringkat ilmu yang lebih tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama'
oleh Jaymani Sevanathan,
Dewan Siswa, Bil 8/2019

[6 markah]

LATIHAN 2 (SARAWAK 2022)

SOALAN 2: SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat **bersusunan biasa** yang bergaris kepada ayat **bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

Bidang keusahawanan wajar diterokai oleh golongan remaja. Bidang ini dapat mendidik remaja menjadi lebih berdaya kreatif. Sesungguhnya amat luas ruang bagi golongan remaja menceburi bidang ini. Remaja yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi juga boleh menceburi bidang tersebut. Oleh hal yang demikian para remaja yang berminat dalam bidang ini tidak mempunyai masalah untuk mengikuti kursus dan Latihan keusahawanan. Ibu bapa perlu memberikan sokongan kepada anak-anak yang berminat dalam bidang ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada Ayuh, Jadilah Usahawan!
Oleh Syed Mahadzir bin Syed Ibrahim Dewan Siswa, Bil 7/2019)

[6 markah]

LATIHAN 3 (KEDAH 2022)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat bersusunan biasa yang bergaris kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih yang mula beroperasi pada tahun 2013 terletak di Chow Kit, Kuala Lumpur. Sekolah ini amat istimewa kerana mengambil murid daripada golongan yang kurang bernasib baik. Antaranya, termasuklah gelandangan, golongan terpinggir, kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri, dan anak-anak yatim. Mereka menggunakan modul pembelajaran khas bagi menguasai tahap kebolehan masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih'
<https://www.moe.gov.my/en/education/secondary>

[6 markah]

LATIHAN 4 (KELANTAN 2022)

Tukar ayat bersusunan songsang di bawah kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.

- i. Sangat petah berhujah pemicato yang berasal dari Kelantan itu.
- ii. Setelah mendapat suntikan dana daripada pihak kerajaan sektor pelancongan dilihat semakin rancak.
- iii. Selepas menghabiskan masa berlatih di padang pemain bola itu berehat dalam keadaan letih.

[6 markah]

LATIHAN 5 (SANTAK 7 2022)

Tukar tiga ayat bersusunan biasa di bawah ini kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

1. Pesakit itu rebah dengan tiba-tiba.
2. Lelaki itu berjaya juga ke puncak akhirnya
3. Rantai mutiara itu untuk Ibu

(6 markah)

LATIHAN 6 (YAPEIM 1 2022)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat aktif** yang bergaris kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Pemakanan yang sihat sangat penting bagi kanak-kanak yang sedang membesar kerana mempunyai banyak kebaikan kepada fungsi kognitif dan psikologi kanak-kanak. Kementerian Kesihatan telah memaklumkan peningkatan jumlah kanak-kanak yang obesiti dari tahun ke tahun. Melalui pemakanan yang sihat, masalah obesiti dan kekurangan zat makanan dapat dibendung dari awal sebelum meningkat dewasa. Terdapat juga, kanak-kanak yang mengalami masalah kekurangan zat makanan kerana cenderung mengambil makanan rapu yang tidak mengandungi nutrien untuk pembesaran. Tidak dapat dinafikan, pendidikan pemakanan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan keseronokan kanak-kanak untuk mengambil makanan yang berkhasiat. Sebagai ibu bapa, kita hendaklah meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pendidikan pemakanan untuk anak-anak.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kepentingan Pendidikan Pemakanan pada Peringkat Awal,
oleh Hayati Adilin MAM,
Dewan Siswa Bil. 11, 2018
[6 markah]

LATIHAN 7 (ATMA 2 2022)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** yang bergaris kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

Generasi kini kurang menghayati semangat patriotisme kerana mereka tidak merasai kepayahan hidup dan pengorbanan para pejuang dahulu. Masyarakat tidak mengenang jasa tokoh-tokoh terdahulu. Malaysia kita yang aman dan makmur ini hasil daripada segala usaha mereka demi menuntut kemerdekaan. Tokoh-tokoh tempatan kurang dikenali dalam kalangan masyarakat walaupun telah banyak berjasa kepada negara. Pihak kerajaan dan media massa seharusnya memberi pendedahan atas jasa tokoh-tokoh tempatan agar mereka tidak dilupakan oleh generasi akan datang.

Dipetik dan di ubah suai daripada “Punca Semangat Nasionalisme Semakin Luntur” oleh Taufiq Rahman, Majalah Pendidik, April 2019

[6 markah]

AYAT AKTIF-AYAT PASIF

LATIHAN 1 (PAHANG 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tukarkan **ayat pasif** yang bergaris di bawah ini kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Senaman perlu dilakukan oleh seseorang jika ingin meningkatkan kecergasan jantung. Senaman yang dilakukan perlulah dapat meningkatkan kadar denyutan jantung melebihi kadar denyutan jantung normal. Tempoh masa sesuatu senaman perlu anda pilih berdasarkan bebanan setiap senaman itu. Untuk suatu sesi senaman yang baik, jangka masa yang sesuai disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia adalah selama 30 minit.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana ‘Kekal Aktif dan Cergas di Rumah’ oleh Nursyuhada Mohd Sukri Dewan Kosmik Bil. 1 2022

[6 markah]

LATIHAN 2 (KELANTAN 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat pasif** yang bergaris kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Secara umum ramai menyedari kepentingan sarapan. Sebelum pergi ke sekolah sarapan perlu diambil oleh setiap murid. Mereka boleh bersarapan sama ada di rumah, di kantin sekolah atau di premis makanan berhampiran dengan rumah. Setiap murid digalakkan mengambil sarapan untuk mengalas perut agar dapat memberikan tenaga sebelum memulakan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana makanan diperlukan oleh otak untuk merangsang pemikiran dan mencerdaskan minda. Impaknya, murid dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran dengan baik. Oleh itu, anak-anak perlu dipastikan oleh ibu bapa bersarapan dengan memilih menu yang disukai mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Faedah Mengambil Sarapan Pagi'
oleh Poh Jing Min,
Dewan Siswa, Bil. 09/2017

[6 markah]

LATIHAN 3 (MIP TERENGGANU 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan pasif** yang bergaris di bawah ini kepada **ayat bersusunan aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Sekiranya tindakan yang efektif tidak diambil oleh pihak yang terbabit, kita pasti akan menghadapi pelbagai kesan negatif dalam jangka masa panjang. Salah satu tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk melestarikan keindahan alam sekitar adalah mewujudkan hutan simpan kekal. Hutan simpan kekal tersebut akan diuruskan oleh kerajaan. Seterusnya, taman negara juga dilindungi oleh kerajaan agar biodiversiti semula jadi kawasan tersebut kekal terpelihara.

[6 markah]

LATIHAN 4 (KENYALANG 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat aktif** yang bergaris kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Penduduk telah membahagikan tugas mereka sebelum gotong-royong bermula. Sebahagian penduduk telah membersihkan kawasan masjid. Keadaan ini menunjukkan masyarakat Malaysia mampu bekerjasama walaupun berbeza kaum, agama, dan budaya. Mereka tidak menunjukkan sikap perkauman ketika melakukan aktiviti khidmat masyarakat. Mereka gembira selepas semua kerja telah disiapkan walaupun penat.

Dipetik dan diubahsuai daripada
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

LATIHAN 5 (PTRS 2023)

Tukarkan **ayat aktif** di bawah kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Kami mendaki gunung itu hampir lima jam tanpa berehat.

- (ii) Kamu mesti memotong rumput di laman itu pada petang besok.

- (iii) Hamizah menjual sayur-sayuran dari kebunnya di pasar tani.

LATIHAN 6 (PTRS 2023)

Tukarkan **ayat pasif** di bawah kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Cincin berlian berharga RM 24 juta itu dimiliki oleh jutawan terkenal.

- (ii) Pokok rambutan itu ditebang oleh emak saya kerana terlalu banyak semut.

- (iii) Kerja-kerja di pejabat telah dimudahkan oleh penggunaan komputer.

LATIHAN 7 (SABAH 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat pasif yang bergaris kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

Undang-undang mesti diperketat oleh kerajaan terhadap pesalah alam sekitar. Tindakan mesti diambil oleh pihak Kerajaan ke atas mereka yang didapati bersalah dalam hal ini. Pada masa ini, kes-kes pencemaran alam sekitar menjadi topik perbincangan orang ramai. Pihak yang bertanggungjawab digesa oleh orang ramai agar lebih prihatin terhadap masalah ini. Pencemaran alam sekitar bukan sahaja merosakkan ekosistem perairan negara malah menjejaskan sumber pendapatan para nelayan. Justeru, undang-undang sedia ada sekarang dipandang tidak serius oleh para pesalah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Penjara Mandatori kepada Pesalah Alam Sekitar'
oleh Nadia Hashim,
Utusan Malaysia, 20 Oktober 2020

[6 markah]

LATIHAN 8 (SELANGOR 3 2023)

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukar **ayat pasif** yang bergaris dalam petikan ini kepada **ayat aktif**.*

Tidak dapat kita nafikan bahawa remaja merupakan golongan yang paling mudah menguasai aliran teknologi seperti aplikasi TikTok. Banyak yang dapat kita pelajari daripada komuniti remaja pada hari ini dan banyak juga perkara yang perlu diajarkan kepada mereka. Kini, aplikasi TikTok turut dimanfaatkan oleh ahli akademik, pengamal perubatan dan mempengaruhi untuk menyampaikan maklumat yang berguna. Budaya membaca sesungguhnya telah beralih kepada budaya menonton. Perubahan mendadak ini tentu tidak kita bayangkan sedekad yang lalu.

LATIHAN 9 (2022)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukar ayat aktif yang bergaris kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

Bidang kemahiran bukan lagi menjadi pilihan terakhir untuk pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sejajar Revolusi Industri 4.0. Lulusan teknik dan vokasional (TVET) mempunyai peluang yang lebih luas untuk mendapat pekerjaan. Oleh yang demikian, ramai yang berminat untuk meneruskan pengajian masing-masing dalam bidang TVET ini. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah memberikan penekanan yang khusus mengenai keperluan TVET dalam pasaran buruh dan ekonomi negara. Kita tidak dapat menyangkal kepentingan TVET kepada anak muda.

*Dipetik dan diubah suai daripada
Lepasan TVET Kini Buruan
Oleh Khairul Ariffin
Dewan Siswa, Bil.2 2020*

LATIHAN 10 (SANTAK 6 2022)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat pasif yang bergaris kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asal.

Filem patriotik seperti Tanda Putera dan 1957 Hati Malaya kurang mendapat sambutan baik daripada penonton. Karyawan juga kita lihat bimbang untuk terus melahirkan karya seperti itu lagi. Elemen sejarah yang mengaitkan pemimpin atau seorang tokoh juga sering digunakan sebagai daya tarikan. Sejarah penubuhan dan ulang tahun Hari Kebangsaan perlulah diuar-uarkan oleh stesen televisyen dan radio. Entah mengapa, penonton lebih teruja menonton filem kenegaraan dan patriotik yang dihasilkan oleh pembikin filem luar negara. Garapan filem yang menarik perlu dihasilkan oleh karyawan dalam usaha mendidik sambil menghiburkan penonton.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
"Panggung Sinema Kita Tandus Filem Patriotik")

(6 markah)

LATIHAN 11 (SBP 2022)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti **tiga** ayat aktif, kemudian tukarkan **ayat-ayat aktif** tersebut menjadi **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Pihak kerajaan telah mengisytiharkan bahawa 31 Ogos sebagai cuti umum pada setiap tahun sempena Hari Kebangsaan. Pelbagai persembahan dirancang bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan. Pihak penganjur turut membabitkan lebih 20 ribu orang peserta dalam acara perarakan. Penyertaan daripada semua lapisan masyarakat amat menggalakkan dalam perarakan tersebut. Pihak kerajaan menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik secara percuma untuk orang awam bagi kemudahan rakyat yang ingin menyaksikan sambutan tersebut. Sambutan Hari Kebangsaan ini menjadi manifestasi perpaduan kaum daripada masyarakat pelbagai latar belakang di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
Ahmad Suhael Rosli,
BH Online, Ogos 2022

[6 markah]

LATIHAN 12 (YAPEIM 1 2022)

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat aktif** yang bergaris kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Pemakanan yang sihat sangat penting bagi kanak-kanak yang sedang membesar kerana mempunyai banyak kebaikan kepada fungsi kognitif dan psikologi kanak-kanak. Kementerian Kesihatan telah memaklumkan peningkatan jumlah kanak-kanak yang obesiti dari tahun ke tahun. Melalui pemakanan yang sihat, masalah obesiti dan kekurangan zat makanan dapat dibendung dari awal sebelum meningkat dewasa. Terdapat juga, kanak-kanak yang mengalami masalah kekurangan zat makanan kerana cenderung mengambil makanan rapu yang tidak mengandungi nutrien untuk pembesaran. Tidak dapat dinafikan, pendidikan pemakanan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan keseronokan kanak-kanak untuk mengambil makanan yang berkhasiat. Sebagai ibu bapa, kita hendaklah meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pendidikan pemakanan untuk anak-anak.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kepentingan Pendidikan Pemakanan pada Peringkat Awal,
oleh Hayati Adilin MAM,
Dewan Siswa Bil.11,2018
[6 markah]

JENIS-JENIS AYAT

LATIHAN 1 (JOHOR 2023)

Soalan 2 : Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan nyatakan **jenis-jenis ayat** bagi setiap ayat yang bergaris.

Sejak sekian lama, pusat sumber sekolah berfungsi sebagai pusat tumpuan mengulang kaji pelajaran. Mengapakah pelajar gemar menelaah di pusat sumber sekolah? Sudah tentu jawapannya adalah kerana suasana yang kondusif dan selesa. Pelajar menjadi lebih fokus dan memberikan sepenuh tumpuan ketika belajar di pusat sumber sekolah. Oleh itu, elakkan membuat bising ketika berada di pusat sumber. Memandangkan ilmu pengetahuan sememangnya menjadi aset berharga pada masa ini, kita wajarlah kerap mengunjungi pusat sumber sekolah sebagai satu usaha meningkatkan ilmu pengetahuan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
“Kebaikan Pusat Sumber Sekolah”
oleh Ayu Indasari Razali, *Dewan Siswa*, bil 05/2021.)

[6 markah]

LATIHAN 2 (TERENGGANU 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan nyatakan jenis ayat yang bergaris, sama ada **Ayat Penyata, Ayat Tanya, Ayat Seruan atau Ayat Perintah**. Anda perlu menyalin ayat itu semula dan menyatakan jenisnya.

- Shida : Ara, apakah yang kamu fikirkan? Saya lihat dari tadi dahi kamu berkerut-kerut.
- Ara : Nah, cuba kamu baca berita ni! Geram betul saya.
- Shida : Kes penipuan cinta siber dalam talian. Saya pun ada terbaca juga semalam dalam akhbar.
- Ara : Semakin ramai kaum wanita yang terpedaya dan mengalami kerugian hampir puluhan ribu ringgit. Mereka tidak sedar ditipu kerana terleka dengan janji-janji manis si penipu.
- Shida : Benar sama sekali. Oleh itu, kita harus berhati-hati dan perlu siasat terlebih dahulu latar belakang seseorang yang baru dikenali.
- Ara : Usah mudah terpedaya dengan apa-apa yang dijanjikan oleh orang yang baru dikenali ini.
- Shida : Betul tu, Ara. Sekarang ini pun bermacam-macam lagi kes penipuan dalam talian yang timbul.

[6 markah]

LATIHAN 3 (BANGSAR 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Bina tiga ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang diberikan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang dicondongkan dalam petikan.

Keistimewaan industri maya dan e-dagang ialah kaedah transaksi maya tanpa sempadan jarak atau waktu. Industri maya menjalankan transaksi perniagaan menggunakan perantaraan elektronik seperti Internet, digital dan lain-lain. Pelanggan hanya perlu mengunjungi mana-mana laman sesawang industri maya dan membuat pemilihan belian. Organisasi korporat yang menggunakan industri maya ini akan menaja khidmat pengurus sesawang yang dibayar royalti untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Industri Maya Kian Melenap'
Oleh Mustafa Dakian
Dewan Ekonomi, April 2018
[6 markah]

LATIHAN 4 (YAPEIM 3 2023)

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti jenis ayat bagi yang bergaris sama ada ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah.

"Siapakah budak itu? Siapakah yang menyuruh awak menjemput dia?" Soal Natasya, sedikit marah. "Kami hanya memerlukan seorang ahli baharu sahaja," tegasnya pula.

"Saya tidak menjemput dia. Selepas awak menemu duga saya pada hari itu, saya menulis pengalaman itu di Facebook. Dia membacanya dan berminat untuk menyertai kita," jelas Sau Mun.

"Aduhai, habislah aku!" kata Natasya. 'Jangan mengambil tindakan di luar pengetahuan kami, Natasya.' Kata-kata Masniza kepadanya pada minggu lepas seakan-akan korus dalam lagu yang diulang-ulang di telinganya.

Dipetik dan diubah suai daripada
Mana Dude karya Alias Derais,
Buku Prima Sdn. Bhd. 2010.
[4 markah]

LATIHAN 5 (MIP TERENGGANU 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, kenal pasti jenis-jenis ayat yang bergaris sama ada ayat nyata, ayat tanya, ayat perintah atau ayat seruan.

"Kertas kerja ini lengkap dengan kajian masa lalu, masa sekarang dan masa hadapan. Alamak, cadangan penyelesaiannya seperti ada yang tidak kena!" suara Doktor Fiq yang tegas dan keras tiba-tiba memecah kesunyian. Aku dan Olan bertukar kerlingan.

"Apa....apa yang tidak kena tu, doktor?" Olan bersuara, serak-serak antara kedengaran dengan tidak. "Mengikut cadangan di sini, kita menggunakan tenaga solar." Aku terkedu. Apakah rasionalnya?

"Tolong buat penyelidikan semula. Saya mahu kamu berdua ambil kira semua faktor termasuk kemampuannya untuk bersaing dalam tempuh yang lama. Pastikan juga kenderaan kita bercirikan Internet benda (IoT). Ah, saya beri tempoh seminggu sahaja!" tegas Doktor Fiq.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pencipta Teknologi
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

LATIHAN 6 (YAPEIM 4 2023)

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah, bina enam ayat tanya yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Setiap individu memerlukan makanan yang berkhasiat bagi menjamin kesihatan diri. Kepentingan makanan seimbang kepada manusia adalah untuk tumbesaran fizikal manusia yang sempurna. Tubuh badan yang kuat boleh dibina melalui mengambil zat yang cukup seperti protein dan kalsium. Pertumbuhan fizikal dan mental seseorang itu boleh terencat kerana kekurangan zat makanan tertentu di dalam badan. Setiap individu perlu membuat perancangan pemakanan harian bagi mengelakkan mengambil makanan secara berlebihan. Orang ramai boleh melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mengetahui tahap kesihatan masing-masing di klinik kesihatan, farmasi ataupun di hospital.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Amalan Pemakanan Seimbang, Resepi Kehidupan Yang Sihat',
oleh Samat Buang, Dewan Siswa Bil. 3, 2017.
[6 markah]

LATIHAN 7 (P. GUDANG 2023)

2. Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian kenal pasti dan tulis jenis ayat yang bergaris sama ada **ayat silaan, ayat permintaan, ayat larangan dan ayat suruhan**. Anda perlu menulis jawapan seperti contoh di bawah.

Ayat : Sila ikut saya.

Jenis Ayat : Ayat silaan

Syahrar: Jemputlah masuk, Lukman. Selamat datang ke rumah saya.

Lukman: Terima kasih atas undangan. Selamat Hari Lahir saya ucapkan kepada Syahrar. Semoga kamu sentiasa sihat dan dipanjangkan umur.

Syahrar: Terima kasih Lukman atas doa yang baik-baik. Semoga doa itu berbalik kepada kamu dan sekeluarga juga. Makanlah apa-apa yang ada di atas meja itu. Janganlah kamu segan-segan pula.

Lukman: Baiklah Syahrar. Minta kamu tunjukkan dapur kepada saya kerana saya ingin membasuh tangan.

Syahrar: Boleh, sila ikut saya.

Lukman: Terima kasih.

Dipetik dan diubah suai daripada Cerpen ‘Sahabat Dalam Kehidupan’
oleh Abdul Ahmad,

1

LATIHAN 8 (KENYALANG 2022)

Baca petikan di bawah, kemudian bina **tiga ayat tanya** yang lengkap dengan menggunakan ayat yang bergaris.

Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang merupakan sebahagian daripada warisan budaya masyarakat Cina dalam negara kita sejak 39 tahun lalu. Acara tahunan ini menarik ribuan penduduk, pelancong dan peserta dari seluruh dunia. Perlumbaan ini menarik jumlah penyertaan yang tinggi dari pelbagai negara kerana menawarkan hadiah yang lumayan. Peserta dari luar negara juga tertarik dengan keunikan budaya masyarakat Cina di Malaysia. Festival ini diadakan pada bulan Mei setiap tahun. Festival ini juga dimasukkan dalam kalender pelancongan Negeri Pulau Pinang. Juragan setiap perahu berteriakan sambil memukul gendang untuk menaikkan semangat pendayung.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Bermulanya Pesta Perahu Naga dan Kuih Bak Chang”
Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia,
Kuala Lumpur, hlm 119-200

[6 markah]

SUBJEK-PREDIKAT

LATIHAN 1 (MELAKA 2023)

2 Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti **subjek** dan **predikat** bagi ayat-ayat bergaris yang berikut.

Contoh

Kek lapis Sarawak ialah sejenis pamanis mulut yang istimewa di negeri Sarawak.

Subjek : Kek lapis Sarawak

Predikat : ialah sejenis pamanis mulut yang istimewa di negeri Sarawak

Kek lapis Sarawak ialah sejenis pamanis mulut yang istimewa di negeri Sarawak. Kek lapis ini selalu dihidangkan semasa perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai Dayak, Tahun Baharu Cina, dan Krismas. Pembuat kek lapis Sarawak telah melakukan pelbagai inovasi dari segi rasa dan rupa agar kek ini terus mendapat sambutan daripada pelanggan. Bagi meningkatkan pengeluaran kek lapis Sarawak pihak Malaysian Agricultural Research and Development (MARDI) juga membantu para usahawan dengan menghasilkan mesin.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Kek Lapis Sarawak’

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

LATIHAN 2 (MIP TERENGGANU 2023)

Berdasarkan petikan di bawah ini, kenal pasti dan tulis **subjek** dan **predikat** yang lengkap bagi tiga ayat yang bergaris seperti contoh berikut.

Subjek : _____

Predikat : _____

Rasuah merupakan perbuatan tidak bermoral yang dilakukan oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Amalan negatif ini perlu dihindari kerana perbuatan ini menjejaskan imej perasuah dan organisasi yang diwakilinya. Walaupun penerima rasuah bijak menyembunyikan perbuatannya, akhirnya ketahuan juga. Pelaku rasuah sukar terlepas daripada hukuman apabila dihadapkan ke mahkamah.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Rasuah Menggugat Pembangunan Negara”,

Dewan Masyarakat, Bil 5/2016

[6 markah]

LATIHAN 3 (KENYALANG 2023)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian kenal pasti dan tulis **subjek** dan **predikat** yang lengkap bagi **tiga ayat** yang bergaris. Anda perlu menulis jawapan mengikut contoh seperti di bawah ini.

Subjek : Tuan pengetua

Predikat : menasihatkan pelajar-pelajar supaya rajin membaca buku.

Sejarah membuktikan bahawa perkembangan bahasa Melayu, ilmu kesusasteraan dan pengetahuan Melayu tidak pernah dimonopoli oleh orang Melayu semata-mata. Menurut Sejarah Melayu, kehebatan Melaka dalam memartabatkan bahasa dan kesusasteraan tidak hanya disumbangkan oleh cerdik pandai Melayu sahaja tetapi turut disumbangkan oleh orang Arab, India Muslim, Parsi serta China. Sehingga Jun 2016, Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa berusaha untuk memelihara dan memartabatkan bahasa Melayu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa Cerminan Bangsa dan Budaya'
Dewan Masyarakat, Bil.2/2017
[6 markah]

LATIHAN 4 (PTRS 2023)

Baca ayat di bawah dan pisahkan kepada **subjek** dan **predikat**.

- (i) Harga saham syarikat itu telah jatuh merudum dua hari selepas disenaraikan di bursa saham.
- (ii) Majalah Betik amat digemari oleh golongan remaja sekolah.
- (iii) Presiden Amerika Syarikat mengakui tenteranya terlibat secara tidak langsung menggulingkan kerajaan Mesir.

[6 markah]

LATIHAN 5 (KENYALANG 2022)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, kenal pasti dan tulis **subjek** dan **predikat** yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti berikut.

Subjek : _____

Predikat : _____

Malaysia merupakan antara penyumbang kepada peningkatan jumlah sisa plastik di dunia. Sifat plastik yang tahan lama dan mudah didapati menjadikan plastik pilihan utama dalam sektor industri. Peningkatan pengeluaran plastik dunia disebabkan permintaan yang tinggi dalam penggunaan bahan tersebut telah mencetuskan fenomena mikroplastik. Ada hidupan laut yang mati akibat terperangkap dalam sisa plastik. Hidupan laut yang tercemar memberikan kesan serius dalam sistem pencernaan manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada
Mikroplastik Ancam Kita dan Hidupan Marin
Oleh Mazni Mat Zin, Dewan Kosmik, Ogos 2021

[6 markah]

LATIHAN 6 (SANTAK 1 2022)

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi dua ayat yang anda pilih seperti yang berikut:

Subjek : _____

Predikat : _____

Terrarium ialah ekosistem mini atur tumbuhan yang diletakkan bunga dan hiasan comel sama ada dalam keadaan tertutup atau terbuka. Pemilihan pokok perlu diteliti bagi memastikannya tahan lama. Pemilihan balang juga amat penting untuk membolehkan pokok membesar. Pembuatan terrarium agak rumit, terutamanya menanam lumut di celahan batu dan kayu. Oleh sebab minat, penggemarnya sanggup menghabiskan masa berjam-jam untuk menyiapkan satu terrarium. Bekas terrarium yang paling sesuai daripada kaca lutsinar supaya boleh dilihat dari luar.

(Dipetik dan diubah suai daripada
"Terrarium Obesesi Nazrol Ikhwani"
Oleh Arziana Mohamad Azaman, Sinar Harian, 20 Februari 2020)

(4 markah)

LATIHAN 7 (SANTAK 5 2022)

Berdasarkan petikan di bawah ini, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi tiga ayat yang digaris.

Isu pembuangan bayi pada zaman moden ini dikatakan sukar diselesaikan sepenuhnya memandangkan ia adalah masalah sosial yang berkait rapat dengan pelbagai faktor berkait. Faktor gejala ini berlaku antaranya adalah kerana pertambahan jumlah penduduk, penghijrahan belia dari desa ke bandar besar, longgarnya ikatan kekeluargaan dan pegangan agama dan bermacam-macam lagi. Walaupun ia sesuatu yang menyayat hati dan dianggap tidak berperikemanusiaan, tetapi itulah realiti yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Ia melambangkan si pelaku seolah-olah tidak ada akal dan perasaan apatah lagi sifat kasih sayang.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Sinar Harian
© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf)

(6 markah)

LATIHAN 8 (ATMA 3 2022)

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi **tiga** ayat yang anda pilih seperti yang berikut:

Subjek : _____

Predikat : _____

Pengusaha ikan hiasan perlu meningkatkan produktiviti bagi memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa. Cabaran ini boleh dicapai melalui kerjasama antara persatuan ikan hiasan dengan institusi penyelidikan. Teknologi dan inovasi penternakan ikan hiasan perlu dimajukan agar industri ikan hiasan negara kekal kompetitif dalam pasaran antarabangsa. Ikan hiasan yang dipasarkan mestilah terjamin kualitinya.

*Dipetik dan di ubah suai daripada "Cabaran Industri Ikan Hiasan"
Buku Teks Bahasa Melayu Ting 5, Halaman 91*

[6 markah]

JENIS FRASA

LATIHAN 1 (N.9 2023)

2. Baca petikan di bawah dengan teliti. Nyatakan ayat tersebut sama ada berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) ataupun Frasa Nama + Frasa Sendi (FN+FS).

Malaysia berada pada kedudukan keempat daripada 10 negara teratas dalam menangani pegangan kehilangan hutan utama setakat 2023. Malaysia hampir berjaya mengekalkan kadar kehilangan hutan pada paras yang rendah. Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, Malaysia ialah negara yang mengurangkan kehilangan hutan utamanya sebanyak 57 peratus pada tahun 2023. Berbanding negara serantau, pencapaian ini di kedudukan yang terbaik. Kecemerlangan ini telah mengangkat nama negara di mata dunia. Kejayaan ini adalah untuk negara Malaysia terus memacu kecemerlangan yang berterusan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia di Tangga Keempat Kurangkan Kehilangan Hutan'
oleh Irwan Shafrihan Ismail.
Berita Harian, 1 Julai 2023

[6 markah]

LATIHAN 2 (PTRS 2023)

Nyatakan pola ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

- (i) Gambar Mona Lisa lukisan Leonardo da Vinci.
- (ii) Beberapa orang sedang menanam sayur di kebun.
- (iii) Kucing adik pandai bermain bola.
- (iv) Pelancong-pelancong Jerman ke Melaka untuk makan durian.

[6 markah]

LATIHAN 3 (SANTAK 8 2022)

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan nyatakan pola ayat bagi semua ayat di bawah sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS) atau Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA).

Guru disiplin sedang menasihati murid-murid yang ponteng sekolah itu. Kebanyakan pelajar yang ponteng itu berasal dari keluarga yang bermasalah. Para pendidik sangat tercabar dengan kenakalan mereka. Cikgu Rosli guru mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah berkenaan. Semua pelajar itu diasingkan di belakang kelas oleh guru tingkatan masing-masing. Mereka perlu menghadiri sesi kaunseling bersama kaunselor sekolah pada keesokan hari.

(6 markah)

AYAT TUNGGA-AYAT MAJMU

LATIHAN 1 (P. PINANG 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian **cerakinkan** ayat-ayat dalam petikan supaya menjadi **enam ayat** tanpa mengubah maksud asalnya.

Pokok bunga telang ialah spesies tumbuhan kekacang yang tumbuh menjalar dengan melilit tumbuhan lain di sekelilingnya dan mempunyai bunga berwarna ungu terang. Masyarakat Melayu sememangnya gemar menggunakan bunga telang sebagai pewarna alami dalam makanan kerana bunga telang bukan sahaja memberikan warna biru semula jadi yang cantik, menarik dan segar tetapi juga makanan yang dihasilkan selamat daripada bahan kimia.

Dipetik dan diubah suai daripada
hellodoktor.com

[6 markah]

LATIHAN 2 (KEDAH 2023)

2. Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian gabungkan ayat tunggal yang bergaris di bawah menjadi tiga ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.

Ibu bapa yang bertanggungjawab perlu sedar. Mereka berperanan sebagai pemudah cara dalam pemilihan kerjaya anak-anak pada masa depan. Ibu bapa perlu memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk membuat pilihan kerjaya. Mereka mempunyai cita-cita sendiri. Mereka sepatutnya membantu anak-anak sebanyak mungkin tentang pemilihan kerjaya. Pemilihan kerjaya yang sesuai boleh menjamin kecemerlangan pada suatu hari nanti. Pemilihan kerjaya yang sesuai boleh menjanjikan kesenangan pada suatu hari nanti.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Peranan Ibu Bapa: Sokong Anak Pilih Kerjaya'
oleh Dr Anjli Doshi Gandhi,
Pendidik 03/2017

[6 markah]

LATIHAN 3 (YIK 2023)

2. Pisahkan ayat-ayat di bawah menjadi enam ayat tunggal dengan mengekalkan maksud serta struktur ayatnya.

Malaysia berpotensi menjadi destinasi pelancongan yang terkemuka di rantau Asia. Lantaran itu, pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan dan agensi swasta bagi menarik para pelancong datang ke negara ini. Usaha yang dilakukan termasuklah mengadakan jualan mega setiap tiga bulan sekali dan memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan.

Sumber :Internet

[6 markah]

LATIHAN 4 (MIP TERENGGANU 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, cerakinkan ayat yang bergaris dalam petikan di bawah kepada enam ayat tunggal tanpa mengubah maksud asal petikan.

Pelajar perlu sedar bahawa bidang vokasional mempunyai kelebihan tersendiri. Oleh sebab itu, pelajar perlu bijak dan tidak harus memandang bidang tersebut dengan sebelah mata. Pelajar kolej vokasional juga layak menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dengan syarat mereka perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Dipetik dan diubahsuai daripada,
Dilema Memilih Bidang Pengajian?
oleh Jeniri Amir,
Dewan Siswa, Bil.02/2020

[6 markah]

LATIHAN 5 (YAPEIM 5 2022)

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah supaya menjadi **tiga ayat majmuk** tanpa mengubah susunan dan maksud asalnya.

Kaedah pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) sangat sesuai dengan jiwa generasi muda pada era teknologi maklumat ini. Kaedah ini membantu proses pembelajaran menjadi lebih interaktif. Konsep pembelajaran PAK-21 lebih mengutamakan aktiviti didik hibur. Aktiviti ini memudahkan murid memahami sesuatu topik pelajaran. Murid mengalami suasana pembelajaran baharu di dalam kelas. Murid berasa sangat seronok belajar di dalam kelas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Belajar Lebih Menyeronokkan',
My Metro Online, September 2019,
[6 markah]

LATIHAN 6 (PERAK 1 2022)

2. Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat majmuk** yang bergaris kepada **ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.

Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang atau tidak diperlukan oleh penggunaanya. Sisa elektronik mengandungi bahan kimia berbahaya seperti asid, pelarut, raksa, dan plumbum. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa pendek dan panjang. Di Malaysia, sisa elektronik dikategorikan sebagai sisa terjadual dalam Jadual Pertama Kod SW110 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) Buangan Terjadual (2005). Sisa ini dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual kerana mempunyai ciri-ciri kebolehnyaalaan, menghakis, bertindak balas, dan bertoksik.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Tingkatan 5*,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020

[6 markah]

LATIHAN 7 (PERAK 2 2022)

Baca petikan di bawah, kemudian kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti berikut.

Subjek : _____
Predikat : _____

Rasuah ialah amalan terkutuk oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Amalan ini menjejaskan nama baik perasuah dan agensi yang diwakilinya. Sekalipun penerima rasuah pandai menyembunyikan perbuatannya, akhirnya ketahuan juga. Pelaku rasuah sukar terlepas daripada hukuman apabila dihadapkan ke muka pengadilan. Itulah harga yang terpaksa dibayar oleh orang yang bertindak mengikut nafsu dan menganggap perbuatannya tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
Rasuah Menggugat Pembangunan Negara
Dewan Masyarakat, 5/2016

LATIHAN 8 (SANTAK 4 2022)

Berdasarkan petikan di bawah ini, **gabungkan ayat-ayat tersebut menjadi 3 ayat sahaja dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah struktur dan maksud asal petikan.**

Kemarau ialah bencana alam. Kemarau berpunca daripada cuaca panas. Kemarau berpunca daripada kurangnya hujan. Kemarau menyebabkan tanah kering-kontang. Tumbuh-tumbuhan banyak yang mati. Kegiatan manusia juga terhalang akibat ketiadaan air. Kemarau menyebabkan air terpaksa dicatu. Jabatan Bekalan Air terpaksa menyediakan tangki air di kawasan perumahan. Hal ini dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat.

(6 markah)

LATIHAN 9 (ATMA 5 2022)

Berdasarkan petikan di bawah, **cerakinkan ayat majmuk yang bergaris kepada ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.**

Peranan jurusolek kesan khas ini jauh berbeza daripada jurusolek biasa. Jurusolek kesan khas memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa. Masa hadapan kerjaya dalam bidang ini amatlah luas kerana khidmat jurusolek kesan khas ini amat diperlukan dalam industri perfileman. Jurusolek kesan khas perlulah meningkatkan kepakaran mereka agar mereka menjadi lebih serba boleh. Kualiti perkhidmatan jurusolek kesan khas juga harus ditingkatkan selaras dengan trend dan perkembangan semasa.

Dipetik dan di ubah suai daripada “*Solekan Ubah Wajah*”
Buku Teks Bahasa Melayu Ting 5, Halaman 31

[6 markah]

CAKAP AJUK-PINDAH

LATIHAN 1 (PERAK 2023)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat **cakap ajuk** yang bergaris kepada **cakap pindah** tanpa mengubah maksud asalnya.

Pulang dari bandar, Tuk Ketua Nasmi terus ke surau untuk solat asar berjemaah. Selain di rumah, anak buah boleh berjumpa dengan Tuk Ketua Nasmi di surau. Tuk Ketua Nasmi sebenarnya boleh dibawa berbincang di mana-mana sahaja. Setibanya di tangga surau, Zali memberikan salam dan menyapa Tuk Ketua Nasmi.

“Tadi Lebai Alang terbang, Tuk Ketua” kata Zali.

“Hah, Lebai Alang terbang ke mana?” Tuk Ketua Nasmi terkejut.

“Tidak lama tadi, lebai tertidur kerana keletihan. Tiba-tiba, dia tersedar dan menyangka telah masuk waktu asar. Lebai pun bangun ambil wuduk lalu bang. Lebai Alang terbang. Sebenarnya, waktu asar belum masuk lagi.”

“Ish... kamu ini Zali, saya ingatkan betul-betul Lebai Alang terbang” kata Tuk Ketua Nasmi lantas tertawa.

Dipetik daripada
‘Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4’
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

LATIHAN 2 (PTRS 2023)

Tukar ayat **cakap ajuk** di bawah kepada **ayat cakap pindah** tanpa mengubah maksud asalnya.

“Saya akan berangkat ke Kuala Terengganu pada petang ini,” kata Sarah kepada Adilah.

“Berapa lama awak akan berada di sana?” tanya Adilah kepada Sarah.

“Seminggu, jika tugas dapat disiapkan tapi kalau kerja tak selesai mungkin tambah seminggu lagi,” jawab Sarah.

“Baiklah, bawa kereta tu hati-hati, sekarang musim hujan,” nasihat Adilah.

“Awak jangan risau sebab saya pemandu berhemah,” balas Sarah.

“Jangan lupa telefon saya jika awak dah sampai di sana nanti,” pesan Adilah.

[6 markah]

LATIHAN 3 (PERAK 3 2022)

Baca petikan dengan teliti, kemudian berdasarkan dialog di bawah, pilih enam ayat dan tukar kepada cakap pindah.

- Safawi : Siapakah yang memakai baju berwarna merah itu?
- Brendan : Oh, itu Aidil, pelajar baharu di sekolah ini!
- Safawi : Saya rasa hendak mengajaknya menyertai Kelab Pencegahan Jenayah.
- Brendan : Eloklah. Lagi pun dia masih baru di sini, tentu memerlukan rakan.
- Safawi : Saya akan berjumpanya selepas latihan di padang petang ini.

[6 markah]

LATIHAN 4 (SANTAK 3 2022)

Baca petikan perbualan di bawah ini dengan telitinya, kemudian tulis perbualan itu semula ke dalam bentuk karangan biasa dengan menggunakan cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.

- | | |
|-----------|---|
| Imran | : Bagaimanakah seminar peperiksaan yang dianjurkan oleh sekolah Yati semalam? Adakah seminar itu mencapai matlamatnya? |
| Norhayati | : Syukur, abang. Sambutannya sangat baik. Saya tidak sangka, banyak murid dari sekolah lain turut menyertai seminar itu. Pengetua sekolah saya memuji saya kerana kejayaan program ini. Beliau mengucapkan tahniah kepada saya, abang. Saya berasa seronok dan puas. |
| Imran | : Oh, ya! Yati, sepatutnya abang yang ucapkan tahniah kepada Yati dahulu. Tapi tidak mengapalah. Belum terlambatkan untuk abang mengucapkan tahniah kepada Yati? Tahniah, Yati. Nampaknya isteri abang ni sudah menempa kejayaan sendiri. Tercabar pula abang dengan Yati kali ini. |

(Dipetik dan diubah suai daripada drama "Menggapai Pelangi" oleh Taha Abd Kadi dalam antologi Anak Global Kementerian Pendidikan Malaysia)

JAWAPAN

AYAT BIASA- AYAT SONGSANG

LATIHAN 1 (KL 2022)

- (i) - Merupakan elemen terpenting dalam kehidupan seharian manusia bahasa.
- Dalam kehidupan seharian manusia, bahasa merupakan elemen terpenting.
- Merupakan elemen terpenting bahasa dalam kehidupan seharian manusia.
- (ii) - Membolehkan pelajar menguasai pelbagai bidang ilmu peranan bahasa Melayu.
- (iii) - Dapat membantu pelajar bersaing pada peringkat yang lebih tinggi kebolehan pelajar menguasai bahasa Melayu.
- Pada peringkat yang lebih tinggi, kebolehan pelajar menguasai bahasa Melayu dapat membantu pelajar bersaing.

LATIHAN 2 (SARAWAK 2022)

1. Wajar diterokai oleh golongan remaja bidang keusahawanan. [2m]
Wajar diterokai bidang keusahawanan oleh golongan remaja. [2m]
2. Boleh menceburi bidang tersebut remaja yang melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi juga. [2m]
Juga boleh menceburi bidang tersebut remaja yang melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi [2m]
3. Perlu memberikan sokongan kepada anak-anak yang berminat dalam bidang ini ibu bapa. [2m]

LATIHAN 3 (KEDAH 2022)**Ayat bersusunan songsang**

- | | | |
|-------|--|---|
| (i) | Terletak di Chow Kit, Kuala Lumpur Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih yang mula beroperasi pada tahun 2013. | 2 |
| (ii) | Kerana mengambil murid dalam kalangan golongan yang kurang bernasib baik, sekolah ini amat istimewa. | 2 |
| | Amat istimewa kerana mengambil murid dalam kalangan golongan yang kurang bernasib baik, sekolah ini. | 2 |
| | Amat istimewa sekolah ini kerana mengambil murid dalam kalangan golongan yang kurang bernasib baik. | 2 |
| (iii) | Mengikuti modul pembelajaran khas bagi menguasai tahap kebolehan masing-masing mereka. | 2 |
| | Bagi menguasai tahap kebolehan masing-masing, mereka mengikuti modul pembelajaran khas. | |
| | Mengikuti modul pembelajaran khas mereka bagi menguasai tahap kebolehan masing-masing. | 2 |

LATIHAN 4 (KELANTAN 2022)

1. Pemidato yang berasal dari Kelantan itu sangat petah berhujah.
2. Sektor pelancongan dilihat semakin rancak setelah mendapat suntikan dana daripada pihak kerajaan.
3. Pemain bola itu berehat dalam keadaan letih selepas menghabiskan masa berlatih di padang bola.

LATIHAN 5 (SANTAK 7 2022)**Ayat biasa ke ayat sonsang**

1. Rebah pesakit itu dengan tiba-tiba.
2. Berjaya juga ke puncak akhirnya lelaki itu,
3. Untuk ibu rantai mutiara itu

LATIHAN 6 (YAPEIM 1 2022)

1. Peningkatan jumlah kanak-kanak yang obesiti telah dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan dari tahun ke tahun
2. Kekurangan zat makanan yang dialami oleh kanak-kanak kerana cenderung mengambil makanan rapu yang tidak mengandungi nutrien untuk pembesaran.
3. Ilmu pengetahuan dalam pendidikan pemakanan untuk anak-anak hendaklah kita tingkatkan.

LATIHAN 7 (ATMA 2 2022)

	Ayat bersusunan songsang	Markah
1	Tidak mengenang jasa tokoh-tokoh terdahulu masyarakat.	2
2	Hasil daripada segala usaha mereka demi menuntut kemerdekaan Malaysia kita yang aman dan makmur ini.	2

	Demi menuntut kemerdekaan Malaysia kita yang aman dan makmur ini hasil daripada segala usaha mereka.	2
3	Kurang dikenali dalam kalangan masyarakat walaupun telah banyak berjasa kepada negara tokoh-tokoh tempatan.	2
	Kurang dikenali dalam kalangan masyarakat tokoh-tokoh tempatan walaupun telah banyak berjasa kepada negara.	2
	Walaupun telah banyak berjasa kepada negara tokoh-tokoh tempatan kurang dikenali dalam kalangan masyarakat.	2
	Walaupun telah banyak berjasa kepada negara kurang dikenali dalam kalangan masyarakat tokoh-tokoh tempatan	2

AYAT AKTIF-AYAT PASIF

LATIHAN 1 (PAHANG 2023)

Tukarkan **ayat pasif** yang bergaris di bawah ini kepada **ayat aktif**

- i. Seseorang perlu melakukan senaman jika ingin meningkatkan kecergasan jantung.
- ii. Anda perlu memilih tempoh masa sesuatu senaman berdasarkan bebanan setiap senaman itu.
- iii. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyarankan jangka masa yang sesuai adalah selama 30 minit.

[Maksimum : 6 markah]

LATIHAN 2 (KELANTAN 2023)

Ayat pasif kepada ayat aktif	Markah
1. Setiap murid perlu mengambil sarapan sebelum pergi ke sekolah Sebelum pergi ke sekolah, setiap murid perlu mengambil sarapan	2
2. Otak memerlukan makanan untuk merangsang pemikiran dan mencerdaskan minda	2
3. Ibu bapa perlu memastikan anak-anak bersarapan dengan memilih menu yang disukai mereka	2
[Maksimum : 6 markah]	

LATIHAN 3 (MIP TERENGGANU 2023)

1. Sekiranya pihak yang terbabit tidak mengambil tindakan yang efektif, kita pasti akan menghadapi pelbagai kesan negatif dalam jangka masa panjang.
2. Kerajaan akan menguruskan hutan simpan kekal tersebut.
3. Kerajaan juga melindungi taman negara agar biodiversiti semula jadi kawasan tersebut kekal terpelihara.

LATIHAN 4 (KENYALANG 2023)

1. Penduduk telah membahagikan tugas mereka sebelum gotong-royong bermula. Sebelum gotong-royong bermula penduduk telah dibahagiakan tugas mereka 2
2. Sebahagian penduduk telah membersihkan kawasan masjid. Kawasan masjid telah dibersihkan oleh sebahagian penduduk 2
3. Mereka tidak menunjukkan sikap perkauman ketika melakukan aktiviti khidmat masyarakat. Ketika melakukan aktiviti khidmat masyarakat sikap perkauman tidak mereka tunjukkan 2

[Maksimum :6 markah]

LATIHAN 7 (SABAH 2023)

(i)	Kerajaan mesti memperketat undang-undang terhadap pesalah alam sekitar.	2
(ii)	Orang ramai menggesa pihak yang bertanggungjawab agar lebih prihatin terhadap masalah ini.	2
(iii)	Para pesalah tidak memandang serius undang-undang sedia ada sekarang.	2

[Maksimum : 6 markah]

LATIHAN 8 (SELANGOR 3 2023)

- (i) Kita tidak dapat menafikan bahawa remaja merupakan golongan yang paling mudah menguasai aliran teknologi seperti aplikasi TikTok. 2
- (ii) Ahli akademik, pengamal perubatan dan pempengaruh turut memanfaatkan aplikasi TikTok untuk menyampaikan maklumat yang berguna. 2
- (iii) Kita tentu tidak membayangkan perubahan mendadak ini sedekad yang lalu. 2

[Maksimum: 6 markah]

LATIHAN 10 (SANTAK 6 2022)

1. Kita juga melihat karyawan bimbang untuk terus melahirkan karya seperti itu lagi.
2. Stesen televisyen dan radio perlulah menguar-uarkan sejarah penubuhan dan ulang tahun Hari Kebangsaan.
3. Karyawan perlu menghasilkan garapan filem yang menarik dalam usaha mendidik sambil menghiburkan penonton.

LATIHAN 12 (YAPEIM 1 2022)

1. Peningkatan jumlah kanak-kanak yang obesiti telah dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan dari tahun ke tahun
2. Kekurangan zat makanan yang dialami oleh kanak-kanak kerana cenderung mengambil makanan rapu yang tidak mengandungi nutrien untuk pembesaran.
3. Ilmu pengetahuan dalam pendidikan pemakanan untuk anak-anak hendaklah kita tingkatkan.

JENIS-JENIS AYAT

LATIHAN 1 (JOHOR 2023)

- (i) Mengapakah pelajar gemar menelaah di pusat sumber sekolah?

-Ayat tanya

- (ii) Pelajar menjadi lebih fokus dan memberikan sepenuh tumpuan ketika belajar di pusat sumber sekolah.

-Ayat penyata

- (iii) Elakkan membuat bising ketika berada di pusat sumber

-Ayat perintah

[Maksimum: 6 markah]

LATIHAN 2 (TERENGGANU 2023)

BIL	AYAT	JENIS AYAT
1	Apakah yang kamu fikirkan?	Ayat tanya
2	Nah, cuba kamu baca berita ni!	Ayat seruan
3	Saya pun ada terbaca juga semalam dalam akhbar.	Ayat penyata
4	Semakin ramai kaum wanita yang terpedaya dan mengalami kerugian hampir puluhan ribu ringgit	Ayat penyata
5	kita harus berhati-hati dan perlu siasat terlebih dahulu latar belakang seseorang yang baru dikenali.	Ayat perintah
6	Usah mudah terpedaya denga apa-apa yang dijanjikan oleh orang yang baru dikenali ini.	Ayat perintah

[Maksimum : 6 markah]

LATIHAN 3 (BANGSAR 2023)

Ayat Tanya

- (i) Apakah keistimewaan industri maya dan e-dagang?
 (ii) Bagaimanakah industri maya menjalankan transaksi perniagaan?
 (iii) Siapakah yang dibayar royalti untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka?

LATIHAN 4 (MIP TERENGGANU 2023)

1. Ayat penyata
2. Ayat seruan
3. Ayat tanya
4. Ayat penyata
5. Ayat perintah
6. Ayat seruan

LATIHAN 5 (P. GUDANG 2023)

Ayat : Jemputlah masuk, Lukman.
Jenis ayat : Ayat silaan

Ayat : Makanlah apa-apa yang ada di atas meja itu.
Jenis ayat : Ayat suruhan

Ayat : Janganlah kamu segan-segan pula.
Jenis ayat : Ayat larangan

Ayat : Minta kamu tunjukkan dapur kepada saya kerana saya ingin membasuh tangan.
Jenis ayat : Ayat permintaan

(Maksimum : 4 markah)

LATIHAN 6 (KENYALANG 2022)

1. **Mengapakah** perlumbaan ini menarik penyertaan yang tinggi dari pelbagai negara?
Perlumbaan ini menarik penyertaan yang tinggi dari pelbagai negara **mengapa**?
Mengapakah negara lain begitu ramai menyertai perlumbaan itu?
Negara lain begitu ramai menyertai perlumbaan itu **mengapa**?
2. **Bilakah** festival ini diadakan/dianjurkan?
Pada bulan **bilakah** festival itu diadakan?
Festival ini diadakan/dianjurkan **bila**?
3. **Bagaimanakah** juragan menaikkan semangat pendayung setiap perahu?
Juragan menaikkan semangat pendayung setiap perahu **bagaimana**?
Siapakah yang berteriakan sambil memukul gendang untuk menaikkan semangat pendayung?
Orang yang berteriakan sambil memukul gendang untuk menaikkan semangat pendayung **siapa**?
Mengapakah juragan perahu berteriakan sambil memukul gendang?
Juragan perahu berteriakan sambil memukul gendang **mengapa**?

LATIHAN 7 (YAPEIM 3 2022)

- Ayat tanya
- Ayat penyata
- Ayat seruan
- Ayat perintah

LATIHAN 8 (YAPEIM 4 2022)

- Mengapakah setiap individu memerlukan makanan yang berkhasiat?
Setiap individu memerlukan makanan yang berkhasiat mengapa?
- Apakah kepentingan makanan seimbang kepada manusia?
Kepentingan makanan seimbang kepada manusia apa?
- Bagaimanakah tubuh badan yang kuat boleh dibina?
Tubuh badan yang kuat boleh dibina bagaimana?
- Mengapakah pertumbuhan fizikal dan mental seseorang itu boleh terencat?
Pertumbuhan fizikal dan mental seseorang itu boleh terencat mengapa?
- Siapakah yang perlu membuat perancangan pemakanan harian bagi mengelakkan mengambil makanan secara berlebihan?
Perlu membuat perancangan pemakanan harian bagi mengelakkan mengambil makanan secara berlebihan siapa?
- Di manakah orang ramai boleh melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mengetahui tahap kesihatan masing-masing?
Orang ramai boleh melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mengetahui tahap kesihatan masing-masing di mana?

LATIHAN 9 (ATMA 4 2022)

Berdasarkan petikan di bawah ini, nyatakan jenis ayat yang bergaris sama ada **ayat penyata**, **ayat perintah**, **ayat seruan** atau **ayat tanya**. Anda tidak perlu menyalin ayat tersebut semula.

- | | |
|-----------|--|
| ETON: | (i) <u>Sebab apa diberhentikan?</u> |
| CIK PUAN: | (ii) <u>Ah, banyak sebabnya, malas saya nak ceritakan!</u> (Memandang dan menghadap Eton dengan sungguh-sungguh). (iii) <u>Awak tolonglah carikan kalau ada.</u> Tapi, (iv) <u>janganlah yang lembap sangat.</u> Tak ada orang gaji tak apalah, kalau buat malu kita saja. |
| ETON: | Ya, (v) <u>saya masih ingat tentang minum teh dengan garam dulu.</u> |
| CIK PUAN: | Bukan itu saja. Awak tak tahu, masa Encik Jamal, ketua pejabat suami saya datang ke rumah, malu betul saya dibuat dek Si Minah. Awak fikirlah, sudu untuk sup ditaruhnya di tempat gulai. (vi) <u>Malu, malu betul saya!</u> |

Dipetik dan diubah suai daripada drama "Gendang Kosong" dlm. Drama-drama Pilihan Usman Awang, 1987, Dewan Bahasa dan Pustaka, Buku Teks Bahasa Melayu Ting 4, Halaman 141

[6 markah]

SUBJEK-PREDIKAT

LATIHAN 1 (MELAKA 2023)

- (i) Kek lapis ini selalu dihidangkan semasa perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai Dayak, Tahun Baharu Cina, dan Krismas.

Subjek : Kek lapis ini 1

Predikat : selalu dihidangkan semasa perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai Dayak, Tahun Baharu Cina, dan Krismas 1

- (ii) Pembuat kek lapis Sarawak telah melakukan pelbagai inovasi dari segi rasa dan rupa agar kek ini terus mendapat sambutan daripada pelanggan.

Subjek : Pembuat kek lapis Sarawak 1

Predikat : telah melakukan pelbagai inovasi dari segi rasa dan rupa agar kek ini terus mendapat sambutan daripada pelanggan 1

- (iii) Pihak Malaysian Agricultural Research and Development (MARDI) juga membantu para usahawan dengan menghasilkan mesin bagi meningkatkan pengeluaran kek lapis Sarawak.

Subjek: Pihak Malaysian Agricultural Research and Development (MARDI) juga 1

Predikat: membantu para usahawan dengan menghasilkan mesin bagi meningkatkan pengeluaran kek lapis Sarawak 1

[Maksimum : 6 markah]

LATIHAN 2 (MIP TERENGGANU 2023)

- i. Subjek: Rasuah
Predikat: merupakan perbuatan yang tidak bermoral yang dilakukan oleh individu yang tidak bertanggungjawab.
- ii. Subjek: Perbuatan ini
Predikat: menjejaskan imej perasuah dan organisasi yang diwakilinya.
- iii. Subjek: Pelaku rasuah
Predikat: sukar terlepas daripada hukuman apabila dihadapkan ke mahkamah.

LATIHAN 3 (KENYALANG 2023)

1. Subjek: Sejarah
Predikat: membuktikan bahawa perkembangan bahasa Melayu, ilmu kesusasteraan dan pengetahuan Melayu tidak pernah dimonopoli oleh orang Melayu semata-mata.
2. Subjek: Kehebatan Melaka
Predikat: dalam memartabatkan bahasa dan kesusasteraan tidak hanya disumbangkan oleh cerdik pandai Melayu sahaja tetapi turut disumbangkan oleh orang Arab, India Muslim, Parsi serta China.
3. Subjek: Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam
Predikat: sentiasa berusaha untuk memelihara dan memartabatkan bahasa Melayu sehingga Jun 2016.

[Maksimum 16 markah]

LATIHAN 4 (PTRS 2023)

- i). S: Harga saham syarikat itu
P: Telah jatuh merundum dua hari selepas disenaraikan di bursa saham.
- ii). S: Majalah Betik
P: Amat digemari oleh golongan remaja sekolah.
- iii). S: Presiden Amerika Syarikat
P: Mengakui tenteranya terlibat secara tidak langsung menggulingkan Kerajaan Mesir.

LATIHAN 5 (KENYALANG 2022)

- 1 Subjek : Malaysia
Predikat : merupakan antara penyumbang kepada peningkatan jumlah sisa plastik di dunia.
- 2 Subjek : Sifat plastik yang tahan lama dan mudah di dapati
Predikat : menjadikan plastik pilihan utama dalam sektor industri.
- 3 Subjek : Peningkatan pengeluaran plastik dunia
Predikat : disebabkan permintaan yang tinggi dalam penggunaan bahan tersebut telah mencetuskan fenomena mikro plastik
- 4 Subjek : Ada hidupan laut yang mati
Predikat : akibat terperangkap dalam sisa plastik.
- 5 Subjek : Hidupan laut yang tercemar
Predikat : memberikan kesan serius dalam sistem pencernaan manusia

LATIHAN 6 (SANTAK 1 2022)

Ayat subjek : terrarium

Ayat predikat : ialah ekosistem mini atur tumbuhan yang diletakkan bunga dan hiasan comel sama ada dalam keadaan tertutup atau terbuka

Ayat subjek : Bekas terrarium yang paling sesuai daripada kaca lutsinar

Ayat predikat : supaya boleh dilihat dari luar.

LATIHAN 7 (SANTAK 5 2022)

i. Subjek: isu pembuangan bayi

Predikat: pada zaman moden ini dikatakan sukar diselesaikan sepenuhnya memandangkan ia adalah masalah sosial yang berkait rapat dengan pelbagai faktor berkait.

ii. Subjek: Faktor gejala ini

Predikat: berlaku antaranya adalah kerana pertambahan jumlah penduduk, penghijrahan belia dari desa ke bandar besar, longgarnya ikatan kekeluargaan dan pegangan agama dan bermacam-macam lagi.

iii. Subjek: si pelaku

Predikat: seolah-olah tidak ada akal dan perasaan apatah lagi sifat kasih sayang.

LATIHAN 8 (ATMA 3 2022)

1. Subjek: Pengusaha ikan hiasan

Predikat: perlu meningkatkan produktiviti bagi memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa.

2. Subjek: Cabaran ini

Predikat: boleh dicapai melalui kerjasama antara persatuan ikan hiasan dengan institusi penyelidikan.

3. Subjek: Teknologi dan inovasi penternakan ikan hiasan

Predikat: perlu dimajukan agar industri ikan hiasan negara kekal kompetitif dalam pasaran antarabangsa.

4. Subjek: Ikan hiasan yang dipasarkan

Predikat: mestilah terjamin kualitinya.

AYAT TUNGGA-AYAT MAJMUK

LATIHAN 1 (P. PINANG 2023)

1. Pokok bunga telang ialah spesies tumbuhan kekacang.
2. Pokok bunga telang tumbuh menjalar dengan melilit tumbuhan lain di sekelilingnya.
3. Pokok bunga telang mempunyai bunga berwarna ungu terang.
4. Masyarakat Melayu sememangnya gemar menggunakan bunga telang sebagai pewarna alami dalam makanan.
5. Bunga telang memberikan warna biru semula jadi yang cantik, menarik dan segar.
6. Makanan yang dihasilkan selamat daripada bahan kimia.

[Maksimum : 6 markah]

LATIHAN 2 (KEDAH 2023)

- | | | |
|-------|--|---|
| (i) | Ibu bapa yang bertanggungjawab perlu sedar bahawa mereka berperanan sebagai pemudah cara dalam pemilihan kerjaya anak-anak pada masa depan. | 2 |
| (ii) | Ibu bapa perlu memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk membuat pilihan kerjaya kerana mereka mempunyai cita-cita sendiri. | 2 |
| (iii) | Pemilihan kerjaya yang sesuai boleh menjamin kecemerlangan dan menjanjikan kesenangan pada suatu hari nanti. | 2 |

LATIHAN 3 (YIK 2023)

(i)	Malaysia berpotensi menjadi destinasi pelancongan.
(ii)	Malaysia destinasi pelancongan terkemuka di rantau Asia.
(iii)	Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan bagi menarik para pelancong datang ke negara ini.
(iv)	Pelbagai usaha telah dijalankan oleh agensi swasta bagi menarik para pelancong datang ke negara ini.
(v)	Usaha yang dilakukan termasuklah mengadakan jualan mega setiap tiga bulan sekali.
(vi)	Usaha yang dilakukan termasuklah memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan.

LATIHAN 4 (MIP TERENGGANU 2023)

1. Pelajar perlu sedar.
2. Bidang vokasional mempunyai kelebihan tersendiri.
3. Pelajar perlu bijak.
4. Pelajar tidak harus memandang bidang tersebut dengan sebelah mata.
5. Pelajar kolej vokasional juga layak menyambung pengajian ke peringkat sarjana muda.
6. Mereka perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan.

LATIHAN 5 (YAPEIM 5 2022)

- i) Kaedah pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) sangat sesuai dengan jiwa generasi muda para era teknologi maklumat ini kerana membantu proses pembelajaran menjadi lebih interaktif.
- ii) Konsep pembelajaran abad PAK-21 lebih mengutamakan aktiviti didik hibur yang memudahkan murid memahami sesuatu topik pelajaran.
- iii) Murid mengalami suasana pembelajaran baharu dan berasa sangat seronok belajar di dalam kelas.

LATIHAN 6 (PERAK 1 2022)

- i. Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang atau tidak diperlukan oleh penggunaanya.
 - i. Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang.
 - ii. Sisa elektronik tidak diperlukan oleh penggunaanya.
- ii. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa pendek dan panjang.
 - i. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa pendek.
 - ii. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa panjang.
- iii. Sisa ini dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual kerana mempunyai ciri-ciri kebolehnayalaan, menghakis, bertindak balas, dan bertoksik.
 - i. Sisa ini dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual.
 - ii. Sisa ini mempunyai ciri-ciri kebolehnayalaan, menghakis bertindak balas dan bertoksik.

LATIHAN 7 (PERAK 2 2022)

1. Subjek : Rasuah
Predikat : ialah amalan terkutuk yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.
2. Subjek : Amalan ini
Predikat : menjejaskan nama baik perasuah dan agensi yang diwakilinya.
3. Subjek : Pelaku rasuah
Predikat : sukar terlepas daripada hukuman apabila dihadapkan ke muka pengadilan.

LATIHAN 8 (SANTAK 4 2022)

1. Kemarau ialah bencana alam yang berpunca daripada cuaca panas dan kurangnya hujan.
2. Kemarau menyebabkan tanah kering-kontang serta tumbuh-tumbuhan banyak yang mati dan kegiatan manusia juga terhalang akibat ketiadaan air.
3. Kemarau menyebabkan air terpaksa dicatu hingga Jabatan Bekalan Air terpaksa menyediakan tangki air di kawasan perumahan bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat.

LATIHAN 9 (ATMA 5 2022)

1. Jurusolek kesan khas memerlukan semua kemahiran yang sama seperti jurusolek biasa.
Jurusolek kesan khas memerlukan semua kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa.
2. Masa hadapan kerjaya dalam bidang ini amatlah luas.
Khidmat jurusolek kesan khas ini amat diperlukan dalam industri perfileman.
3. Jurusolek kesan khas perlulah meningkatkan kepakaran mereka
Mereka menjadi lebih serba boleh.

JENIS FRASA

LATIHAN 1 (N.9 2023)

- (i) Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)
- (ii) Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)
- (iii) Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)
- (iv) Frasa Nama + Frasa Sendi (FN+FS)
- (v) Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)
- (vi) Frasa Nama + Frasa Sendi (FN+FS)

LATIHAN 2 (PTRS 2023)

- i). FN + FN
- ii). FN + FK
- iii). FN + FA
- iv). FN + FS

LATIHAN 3 (SANTAK 8 2022)

- i. (Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)
- ii. FN + FS
- iii. FN + FA
- iv. FN + FN
- v. FN + FS
- vi. FN + FK

CAKAP AJUK-PINDAH

LATIHAN 1 (PERAK 2023)

"Tadi Lebai Alang terbang, Tuk Ketua," kata Zali.

- 1 **Cakap Pindah:** Zali memberitahu Tuk Ketua bahawa tadi Lebai Alang Terbang.

"Hah, Lebai Alang terbang ke mana?" Tuk Ketua Nasmi terkejut.

- 2 **Cakap Pindah:** Tuk Ketua Nasmi terkejut lalu bertanya arah Lebai Alang terbang.

"Ish... kamu ini Zali, saya ingatkan betul-betul Lebai Alang terbang" kata Tuk Ketua Nasmi lantas tertawa.

- 3 **Cakap Pindah:** Tuk Ketua Nasmi lantas ketawa dengan gurauan Zali sambil menyatakan bahawa beliau menyangka betul-betul Lebai Alang terbang.

LATIHAN 3 (PERAK 3 2022)

- (i) Safawi : Siapakah yang memakai baju berwarna merah itu?
Safawi menanyakan Brendan orang yang memakai baju berwarna merah itu.
- (ii) Brendan : Oh, itu Aidil, pelajar baharu di sekolah ini!
Brendan memberitahu bahawa orang itu ialah Aidil, iaitu pelajar baharu di sekolah mereka.
- (iii) Safawi : Saya rasa hendak mengajaknya menyertai Kelab Pencegahan Jenayah.
Safawi berhasrat untuk mengajak Aidil menyertai Kelab Pencegahan Jenayah.
- (iv) Brendan : Eloklah. Lagipun dia masih baru di sini, tentu memerlukan rakan.
Brendan menyokong dan menjelaskan bahawa Aidil masih baharu di sekolah itu sudah pasti dia memerlukan kawan.
- (v) Safawi : Saya akan berjumpanya selepas latihan di padang petang ini.
Safawi memaklumkan bahawa dia akan berjumpa dengan Aidil selepas latihan di padang petang itu.
- (vi) Brendan : Bukankah latihan petang ini dibatalkan?
Brendan mengingatkan bahawa latihan pada petang itu dibatalkan.

LATIHAN 4 (SANTAK 3 2022)

1. Imran bertanya kepada Norhayati adakah seminar peperiksaan yang dianjurkan oleh sekolahnya mencapai matlamat.
2. Norhayati memberitahu bahawa sambutan yang diterima sangat baik kerana banyak murid dari sekolah lain yang telah menyertai seminar tersebut.
3. Norhayati memberitahu kepada Imran bahawa dia berasa seronok dan puas kerana Pengetua telah memuji dan mengucapkan tahniah kepada beliau kerana kejayaan program tersebut.
4. Imran memberitahu sepatutnya dia yang perlu mengucapkan tahniah kepada Norhayati dahulu kerana sudah menempa kejayaan.